

LAPORAN AUDIT DALAMAN 5S BIL. 1/2021
PUSAT PENGAJIAN EKONOMI, KEWANGAN DAN PERBANKAN

=====

1.0 PENGENALAN

Audit dalaman 5S dilaksanakan sebagai satu langkah untuk membudayakan amalan 5S di Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB). Sebagai pengukur dan pengiktirafan kepada amalan 5S tersebut, SEFB sentiasa akur kepada Audit 5S/QE UUM yang diadakan setiap tahun. Audit 5s/QE UUM ini sangat membantu SEFB untuk terus mantap serta penambahbaik amalan 5S yang dilaksanakan di SEFB.

2.0 OBJEKTIF

Objektif pengauditan adalah untuk menyemak dan mengenalpasti sebarang ketidakpatuhan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dan memberi cadangan penambahbaikan yang sesuai. Disamping itu, Jawatankuasa Audit juga membuat semakan kembali pemerhatian (penemuan audit) dan juga penambahbaikan daripada sesi audit yang dijalankan sebelum ini.

3.0 PEMBAHAGIAN JURUAUDIT

Ahli Jawatankuasa telah menjalankan aktiviti audit dalaman 5S SEFB Bil. 1/2021 seperti maklumat dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Pembahagian Kriteria Penilaian Amalan Persekitaran Berkualiti 5S

PENILAIAN	TARIKH	PIC
Keperluan Utama Perlaksanaan	22 Sept 2021	Wan Yusnita Megat Saad Sobehah Din
Ruang Pejabat	22 Sept 2021	Rozaima Binti Ilyas Roslina Idris
Perkhidmatan Kaunter	22 Sept 2021	Nur Faizah Azali
Tempat Simpanan	22 Sept 2021	Mohd Fauzie Ahmad
Tempat Umum	22 Sept 2021	Bashirah Hussain Nor Hazwani binti Azizon
Kawasan Persekitaran	22 Sept 2021	Ahmad Shukri Harun Mohammad Azli Bin Azmi

4.0 LAPORAN AUDIT

Butiran lengkap pemerhatian berserta gambar penemuan audit dan cadangan penambbaikan adalah seperti di dokumen laporan audit tersebut. Sila rujuk: Laporan Audit SEFB Bil. 1/2021.


5.0 KEPUTUSAN

Pusat Pengajian **SEFB berjaya mendapat 81.51%** pada audit dalaman yang pertama ini. Ini melayakkan SEFB untuk mendapat penarafan **EMPAT(4)** bintang pada audit kali ini. Namun, proses penambahbaikan perlu sentiasa diamalkan oleh setiap staf di SEFB berdasarkan kepada penemuan audit. Keputusan ini akan dijadikan sebagai penanda aras untuk penilaian audit 5S SEFB yang seterusnya bagi tahun 2021 ini.

Ringkasan keputusan audit dalaman 5S untuk setiap kriteria penilaian amalan persekitaran berkualiti 5S UUM seperti di Jadual 2 dan Gambarajah 1 di bawah:

Jadual 2: Keputusan Audit Dalaman 5S SEFB Bil. 1/2021

Bil.	Aspek	Markah	
		Penuh	Diperolehi
1.	Keperluan Utama Pelaksanaan	52	43
2.	Ruang Pejabat	44	35
3.	Perkhidmatan Kaunter	30	22
4.	Tempat Simpanan	30 (16 untuk SEFB)	16
5.	Tempat Umum	58 (54 utk SEFB)	45
6.	Kawasan Persekitaran	42	33
Jumlah Markah		256* (238 untuk SEFB)	194
Peratusan		100	81.51%
Laporan Penambahbaikan Berterusan/ Kaizen (Perlu dihantar ke IPQ sebagai bukti)		1 Laporan = 2 markah bonus	Tiada

PUSAT PENGAJIAN	MARKAH (%)	KEDUDUKAN	PENARAFAN BINTANG
SEFB	81.51	-	

Petunjuk: 5 Bintang (85% ke atas), 4 Bintang (75% - 84.99%), 3 Bintang (60% - 74.99%), 2 Bintang (50% - 59.99%), 1 Bintang (49.995 ke bawah)

6.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kesungguhan dan komitmen pengurusan dan warga kerja di SEFB dalam menjayakan aktiviti amalan 5S ini amat membanggakan. Walaubagaimanapun, penambahbaikan berterusan perlu dilakukan dan tindakan perlu diambil berdasarkan kepada laporan audit yang telah disediakan. Semoga warga SEFB akan meningkatkan prestasi ini bagi menjayakan Audit 5S/QE UUM yang akan dinilai pada tahun ini.

**DISEDIAKAN OLEH : JAWATANKUASA AUDIT 5S
PUSAT PENGAJIAN EKONOMI, KEWANGAN DAN PERBANKAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021